

# “Lima Orang Pegawai HEP Sertai Lawatan Kerja Program Capaian Global Kakitangan Bukan Akademik UMS Ke Kota London”

Disediakan oleh : Cik Norhana Bte Nordin

Pada 29 Mei hingga 06 Jun 2012, Cik Carrie Grace Jaymess, Pegawai Psikologi UMS selaku Ketua Rombongan Program Capaian Global UMS berserta lapan orang kakitangan Bukan Akademik UMS dan melibatkan seramai lima orang pegawai dari HEP sendiri iaitu Cik Carrie (Ketua), En. Mohd Faizal Marjus, En. Ahmad Mokhdas Hj. Abd Gaus, En. Adzmil Abidin dan Cik Norhana Bte Nordin sekaligus telah mengadakan lawatan kerja ke Kota London, United Kingdom.

Lawatan kerja ini adalah untuk memberi peluang kepada pegawai dan kakitangan sokongan berkongsi idea mengenai budaya kerja antara universiti tempatan dan universiti antarabangsa serta juga mempelajari sistem kerja di sesuatu organisasi. Dengan adanya program Capaian Global atau lebih dikenali dengan PCG ini, ianya sekaligus dapat mencapai objektif program yang dilaksanakan. Program ini juga dapat membentuk serta memantapkan profil seseorang penjawat awam untuk memenuhi keperluan Continuous Professional Development (CPD) yang telah dikenalpasti.

Tujuan lawatan selama tujuh hari ini adalah untuk mengeratkan lagi hubungan sedia ada dan pertukaran pengalaman berkaitan dengan budaya kerja yang sedia ada agar lebih efektif dan efisien. Program ini juga memberi peluang kepada Kakitangan Bukan Akademik yang terlibat sebagai pendedahan dan pengetahuan dalam usaha pembudayaan “Transfer Knowledge and technology”. Komunikasi yang disampaikan sepanjang program ini dapat menyakinkan kakitangan UMS bahawa bahasa Inggeris adalah bahasa perantaraan dunia yang berkesan.

Setinggi-tinggi penghargaan terima kasih yang tidak terhingga kepada YBhg. Brig. Jen. Prof. Datuk Seri Panglima Dr Kamaruzaman Hj. Ampon, Naib Canselor UMS , YBhg. Prof. Madya Datuk Dr Hj. Kasim Hj. Md. Mansur, TNC HEPA dan YBhg. Mejar (K) Datuk Abdullah Hj. Mohd Said, Pendaftar UMS di atas sokongan yang diberikan selama ini.

Kumpulan Program Capaian Global Kakitangan Bukan Akademik UMS United Kingdom kali ini yakin bahawa UMS amnya dan Sektor Pembangunan Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar khasnya akan lebih memberi banyak peluang kepada Kakitangan Bukan Akademik, UMS untuk mengadakan program seumpama dan diharapkan program ini berterusan kerana ianya berimpak tinggi dan bersifat nasional dapat dilaksanakan.



Rombongan bergambar kenangan di hadapan pintu utama ‘University College London Union’, Kota London.



Santai mesra dan mengabadikan kenangan di “Birkbeck College”, Kota London



Kakitangan Bukan Akademik UMS, PCG bergambar kenangan bersama YB Tan Sri Datuk Seri Panglima Pandikar Amin Hj. Mulia dihadapan Restoran Malaysia, Oxford Street Kota London